

# Honda: Usaha sama dimeterai

Oleh Saidon Idris

BH 20 JUL 2008

DRB-Hicom Bhd mengukuhkan kedudukannya dalam industri automobil Malaysia dengan memeterai perjanjian tiga pihak dengan Honda Motor Co Ltd, Jepun dan Oriental Holdings Bhd bagi mengeluarkan dan mengedar kereta Honda, alat ganti, aksesori dan komponennya di negara ini.

Di bawah perjanjian itu, ketiga-tiga syarikat akan menubuhkan sebuah syarikat usaha sama, DRB-Oriental-Honda Sdn Bhd, dengan modal dibenarkan sebanyak RM500 juta.

DRB-Hicom akan menguasai 36 peratus dalam syarikat itu, Oriental 15 peratus manakala Honda 49 peratus. Syarikat itu akan diperbadankan tahun depan.

Kereta yang bakal dikeluarkan adalah untuk pasaran tempatan dan serantau.

Perjanjian itu turut mengambil kira perhubungan jangka panjang Oriental dengan Honda.

Oleh itu selain kepentingan ekuitinya dalam syarikat usaha sama itu, syarikat

## DRB-Hicom, Oriental Holdings dan Honda Motor Co Ltd, Jepun setuju mengeluarkan dan mengedar kereta, alat ganti, aksesori dan komponen Honda di negara ini.

berkaitannya, Kah Motor Co Sdn Bhd, akan terus menjadi penjual kereta Honda melalui rangkaian pengedarannya.

Majlis menandatangani perjanjian usaha sama itu ditandatangani di Putra Jaya semalam dengan disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

DRB-Hicom diwakili pengerusinya Tan Sri Mohd Saleh Sulong, Honda Motor oleh Presiden merangkap ketua eksekutifnya, Hiroyuki Yoshino manakala Oriental oleh pengerusinya, Datuk Loh Cheng Yean.

Turut hadir ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Bercakap di sidang ahbar selepas majlis itu, Mohd Saleh berkata, berdasarkan perancangan awal, DRB-

Oriental-Honda akan memulakan operasinya tahun depan.

Beliau berkata, bagaimanapun ia bergantung kepada keputusan kajian yang sedang dilaksanakan.

"Jika kami memutuskan untuk beroperasi menggunakan kemudahan pengeluaran sedia ada, pengeluaran akan bermula tahun depan. Sebaliknya, jika kami akan mendirikan kilang baru, ia mungkin mengambil masa di antara dua sehingga tiga tahun," katanya.

Beliau menjelaskan, antara kemudahan sedia ada yang mungkin digunakan ialah kilang pemasangan DRB-Hicom di Pekan, Pahang.

Mohd Saleh juga tidak memberitahu jumlah pelaburan bagi projek itu dan model Honda yang akan

dikeluarkan kerana ia masih dalam kajian.

Kajian itu juga turut meliputi menjadikan anak syarikat Oriental, Oriental Assemblers Sdn Bhd sebagai

pembekal komponen utama untuk meningkatkan daya saing di Malaysia dan rantau Asean bagi menyambut cabaran liberalisasi pasaran di bawah Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA).

Yoshino pula berkata, penyertaan Honda dalam projek itu adalah selaras dengan strategi serantaunya

untuk meningkatkan daya saing di Malaysia dan rantau Asean bagi menyambut cabaran liberalisasi pasaran di bawah Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA).